

Headline	TUNGGU KEBENARAN		
MediaTitle	Metro Ahad	Color	Full Color
Date	09 Oct 2016	Circulation	1,270,667
Section	Setempat	Readership	3,812,000
Page No	18	ArticleSize	228 cm²
Language	Malay	AdValue	RM 8,982
Journalist	MUHAMMAD SAUFI HASSAN		
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,945



Muhammad Saufi Hassan
saufi@hmetro.com.my

Garis panduan berhubung pemburuan buaya di Sarawak akan diperkenalkan dalam tempoh enam bulan akan datang merangkumi kerangka perundangan serta bidang komersial haiwan berkenaan.

La susulan kejayaan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mendapatkan kebenaran daripada Konvensyen Antarabangsa Mengenai Perdagangan Flora dan Fauna

TUNGGU KEBENARAN

■ **Garis panduan buru buaya di Sarawak akan diperkenal dalam tempoh enam bulan**

na Terancam (CITES) di Johannesburg, Afrika Selatan untuk mengeluarkan haiwan berkenaan daripada senarai Apendiks Satu kepada Apendiks Dua CITES.

Berikutnya keputusan itu, buaya tidak lagi disenaraikan sebagai haiwan liar yang dilindungi seperti yang termaktub dalam Ordinan Hidupan Liar Sarawak 1998.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Da-

tuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, biarpun kebenaran untuk mengeluarkan haiwan berkenaan daripada senarai Apendiks Satu sudah berjaya dilaksanakan, namun perlu ada satu garis panduan untuk memburu haiwan terbabit.

"Garis panduan ini akan menyentuh dua aspek paling utama iaitu dari segi perundangan dan juga bidang komersial. Kita tidak mahu pemburuan haiwan ini secara besar-besaran dan tidak bersifat perikemanusiaan."

"Buaya ini masih haiwan yang terpelihara dan sebab itu, haiwan reptilia ini masih dilatarkan dalam senarai Apendiks Dua. Saya menjangkakan garis panduan ini akan diperkenalkan dalam tempoh enam bulan akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Pelancaran Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 (Akta 782), semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar merangkap Pengerusi FRIM Datuk Seri Azizan Ahmad dan Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Wan Junaidi berkata, perkara yang perlu diperhalusi dengan kerajaan negeri Sarawak adalah daripada kasedah pemburuan yang dilaksanakan dan potensi untuk dipasarkan.

"Saya berpendapat bahawa hasil pemburuan daripada haiwan reptilia ini biarlah dipasarkan dalam negara sahaja supaya kita mempunyai industri yang unik," kata dia.



**Buaya ini masih
haiwan yang
terpelihara**
Wan Junaidi